

# CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 55 Tahun 5

Julai 1998

ISSN 0128-8431

## PESANAN YAB PERDANA MENTERI

Wawancara Khas RTM Program Bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah disiarkan melalui televisyen pada 14 Julai lalu. Berikut ialah petikan pendapat beliau mengenai isu-isu pengguna tertentu.



YAB. Datuk Seri  
Dr. Mahathir  
Mohamad

### MENGENAI KENAIKAN HARGA BARANGAN

Kalau kita bandingkan Malaysia dengan negara lain, sebenarnya Malaysia adalah istimewa kerana kenaikan harga barang tidak secara mendadak. Di negara lain, ia memang naik dengan tinggi. Dan sebab yang biasa yang menaikkan harga ini ialah kerana barang itu diimport. Bila diimport, kita terpaksa terima harga yang naik di negara punca yang menghadapi masalah kenaikan harga.

Apabila ringgit kita jatuh maka kita perlu guna lebih banyak ringgit untuk membeli barang dan kalau dulu untuk membeli satu barang yang harganya satu dolar Amerika kita cuma perlu RM2.50, sekarang kita perlu RM4.20.

Ini timbul banyak salah faham di kalangan rakyat tentang apa perlu dibuat di masa kegawatan ekonomi. Kalau kita kata kita menabung, itu menguntungkan dari segi kalau kita menabung dalam bank, duit itu boleh diguna oleh peniaga untuk berniaga, boleh dipinjam. Tetapi kalau kita tidak belanja duit kita, kita simpan di rumah, itu mengurangkan duit 'in circulation'. Dan bila kita tak guna duit untuk membeli barang, peniaga menjadi mangsa.

### MENGENAI PERBELANJAAN

Kerajaan meminta supaya rakyat belanja secara bijak. Jangan beli barang yang tidak perlu, terutama yang diimport.

Tetapi belanja dalam negeri secara berpatutan supaya peniaga-peniaga kecil, terutamanya tidak menghadapi masalah. Dalam pada itu, kalau peniaga kecil pula cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga 100 peratus, kita jangan beli.

### MENGENAI KEMPEN BELI BARANG BUATAN MALAYSIA

Kita masih dapati rakyat kita ini kurang yakin akan kualiti barangan buatan Malaysia, sedangkan barangan buatan Malaysia sekarang ini dijual di seluruh dunia sebagai barangan berkualiti. Jadi, kita mesti atasi perasaan bahawa barangan kita ini tidak mempunyai kualiti. Sebab itu saya mengalu-alukan usaha untuk mengadakan Eskpo Cintai Malaysia dengan mempamerkan barangan buatan Malaysia supaya lebih terkenal.

### MENGENAI PERANAN PENGGUNA DALAM KEGAWATAN EKONOMI

Pengguna mesti (bertindak) bijak. Sudah tentu (mereka perlu) kurangkan barangan import. (Beli) barang tempatan yang harga(nya) berpatutan. Mereka patut melayan orang yang menjual dengan harga yang berpatutan. Kalau ada orang yang mengambil kesempatan, *profiteering* umpamanya, pengguna harus asingkan mereka. Tapi kena berhati-hati, jangan pula kita tergesa-gesa membuat tindakan boikot dan sebagainya kerana setiap kali kita buat tindakan itu ada orang yang rugi. Jadi, saya anggap pengguna punya peranan ini cukup besar kerana kita semua pengguna. Orang yang mengeluarkan barang, yang menjual pun, dia di waktu lain menjadi pengguna. Jadi, semasa mereka menjual, jangan cuba mengambil kesempatan sedangkan kita tidak suka bila kita membeli pula kita menjadi pengguna, kita marah kepada orang lain.

Pengguna mestilah menegur dengan secara membina. Kita harus ingat tindakan yang kita ambil itu mungkin akan membawa hasil yang jauh dari kehendak kita. Kalau kita buat sesuatu yang menaikkan kos, kita tidak mendapat faedah daripadanya.





## KAWAL HARGA BARANGAN?

Dalam tempoh setahun lalu, pengguna telah merasai kesan kegawatan ekonomi. Bagi pengguna yang berpendapatan sederhana dan rendah, mereka paling banyak merasai kesannya apabila membeli barang-barang untuk kegunaan diri sendiri dan keluarga. Barang-barang yang diimport telah mengalami kenaikan harga yang besar akibat penurunan nilai matawang ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat. Harga barang-barang yang dihasilkan dalam negara juga mengalami kenaikan harga sekiranya menggunakan bahan mentah yang diimport atau kos pengangkutan yang tinggi. Perubahan dalam harga barang-barang dan perkhidmatan sememangnya sukar dielakkan, terutama dalam keadaan ekonomi masa kini yang tidak menentu.

Ada pengguna yang menyarankan supaya harga barang-barang dikawal oleh Kerajaan. Ada juga segelintir pengguna yang menggesa Kerajaan mengawal harga barang-barang yang bukan perlu seperti air mineral dalam botol.

Kerajaan berharap para pengguna tidak terbawa-bawa dengan gesaan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang menggesa Kerajaan mengawal harga semua barang. Pada masa sekarang, Kerajaan tidak menetapkan harga barang-barang secara undang-undang. Penetapan harga hendaklah ditentukan oleh pasaran, iaitu oleh pengguna dan penjual sendiri. Namun demikian, Kerajaan menggunakan undang-undang untuk menentukan supaya proses pengilangan, pengeluaran, pemborongan dan peruncitan berjalan lancar. Kerajaan memberi nasihat atau dalam hal-hal tertentu, mengambil tindakan pentadbiran dan penguatkuasaan bagi menstabilkan harga barangan.

Campurtangan berlebihan dalam pasaran tidak mendatangkan faedah dalam jangka masa panjang kepada negara. Pengawalan harga yang terlalu ketat akan memaksa industri-industri tertentu menutup perniagaan. Pertumbuhan ekonomi negara akan terjejas.

Pengguna harus faham bahawa di samping menjadi pengguna, mereka juga merupakan pengeluar. Pengeluar bukan sahaja menghasilkan barang-barang, tetapi juga perkhidmatan. Sebagai pengguna dan pengeluar, kita harus diberi kebebasan memilih, kebebasan membeli, kebebasan berniaga dan kebebasan mengeluarkan barangan.

Kenaikan harga barangan di negara ini masih terkawal, bukan seperti negara-negara jiran kita yang mengalami kenaikan harga sehingga 400% bagi barang keperluan. Malah, bekalan barang-barang keperluan mereka turut terjejas dengan keadaan kekurangan bekalan.

Pengawalan harga bukanlah penyelesaian kepada kenaikan harga barang-barang dan perkhidmatan. Kerajaan menjalankan tanggungjawab menstabilkan harga barang-barang keperluan supaya kehidupan golongan berpendapatan rendah tidak terjejas. Pengguna harus memainkan peranan mereka untuk mendapatkan nilai terbaik untuk setiap ringgit yang mereka belanjakan. Pada perkiraan terakhirnya, pengguna hendaklah bertindak supaya mengurangkan pembelian barang yang tidak perlu atau apabila berlaku kenaikan harga tertentu yang difikirkan tidak berpatutan.

*Sidang Pengarang*

Penasihat

YB. Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

*Sidang Redaksi*

Ketua Pengarang

Y.Bhg. Dato' Mohamad Noor Abdul Rahim

Pengarang

Encik Khairuddin Hj. Mohd Sari  
Encik Zulkipli Abu Bakar

Penasihat Pengarang

Prof. Mohd Hamdan Adnan  
Prof. Dr. Sothi S. Rachagan

Penolong Pengarang

Encik Abdul Rauf Sani  
Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang  
Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 23, Menara Maybank,  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2329955  
Fax: 03-2389558



# Terengganu Sambut HPS

Sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Negeri Terengganu 1998 serta Seminar Pendidikan Pengguna telah diadakan pada 25 Julai lalu di Dewan Sekolah Agama Al-Falah, Kemaman. Majlis anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) dan Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEP) Terengganu tersebut dirasmikan oleh Menteri Besar Terengganu, YAB. Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Turut hadir dalam majlis perasmian HPS Terengganu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Pengerusi MHEP Negeri Terengganu, YB. Encik Wong Foon Meng.

Sempena sambutan HPS, tiga kategori anugerah disediakan bagi mereka yang telah menyumbang kepada aktiviti kepenggunaan di Negeri Terengganu. Anugerah Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Terbaik dimenangi oleh Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Kuala Terengganu.

Anugerah Kelab Pengguna Sekolah Terbaik dimenangi oleh Kelab Pengguna SMK. Ibrahim Fikri; tempat kedua dimenangi oleh Sek. Men. Tengku Lela Segara dan tempat ketiga dimenangi oleh Sek. Men. Agama Sheikh Abdul Malik. Manakala, pemenang Pertandingan Ibu Tunggal Peringkat Negeri Terengganu ialah Puan Halifah Muhamad.

## Kelab Pengguna Aktif

Kelab Pengguna Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Terengganu telah mengadakan pameran kepenggunaan sempena Hari Gerko dan Hari Terbuka Sekolah pada 16-18 Julai lalu.

Menurut Guru Penasihat Kelab Pengguna tersebut, Encik Mohamed Kamal Hashim, tujuan pameran diadakan ialah untuk menunjukkan kepada semua pelajar sekolah tentang pelbagai aktiviti kelab pengguna yang telah dijalankan oleh kelab. "Pameran ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja di kalangan pelajar malah, ibu bapa yang berkunjung ke pameran tersebut," kata beliau.

Di antara bahan pameran yang dipamerkan ialah logo kelab, slogan kelab, gambar-gambar aktiviti, risalah-risalah kepenggunaan, buku skrap yang disumbangkan oleh ahli, tayangan video kepenggunaan dan beberapa jenis barang tiruan dan asli. Di samping itu, ahli kelab juga membuat demonstrasi/ujikaji mengenai beberapa jenama serbuk teh mengenai bahan kandungan,



**Bagi memeriahkan suasana pameran, Kelab Pengguna Sek. Men. Keb. Ibrahim Fikri turut mengadakan ujikaji beberapa jenama serbuk teh.**

termasuklah pewarna yang digunakan. Sudut tersebut mendapat lebih perhatian daripada kalangan pengunjung.

Selain pameran, kelab pengguna juga membuka sebuah gerai sepanjang Hari Gerko dan Hari Terbuka tersebut. Keuntungan yang diperolehi akan digunakan untuk mengisi tabung kewangan kelab.



Kita hidup dalam zaman teknologi canggih. Pelbagai peralatan dan perkakas canggih membantu kita dalam melakukan tugas harian sama ada di rumah ataupun di pejabat. Selain itu, kita juga menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan elektronik terkini seperti urusan bank menerusi juruwang elektronik. Semua pengguna, sama ada yang menggunakan peralatan elektronik atau akan menggunakannya pada masa hadapan wajar mengetahui mengenai masalah Y2K dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.

sahaja, masalah yang timbul ialah 00 mungkin disalahanggap sebagai tahun 1900.

### Masalah

Penggunaan dua digit untuk menandakan tahun bertujuan menjimatkan ruang storan yang pada masa dahulu amat mahal. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang, kos ruang storan telah turun dan mampu diperolehi. Dengan kemajuan teknologi, format tarikh telah ditanam (*embedded*) di dalam mikrochip sesebuah perkakasan elektrik/elektronik.

# ISU Y2K DAN PENGGUNA

Masalah Y2K atau Tahun 2000 (juga disebut sebagai *Millenium Bug*) bukanlah masalah pepijat komputer (*real computer bug*) seperti serangan virus yang merosakkan data yang disimpan di dalam ruangan storan komputer. Masalah Y2K adalah berkaitan dengan amalan penggunaan angka dua digit sahaja untuk menunjukkan tahun. Tahun 1960 umpamanya, ditulis dan direkodkan dalam komputer sebagai 60 sahaja; tahun 1998 direkod sebagai 98 dan sebagainya.

Amalan ini bermula sejak tahun-tahun 60-an lagi. Sekiranya tahun 2000 ditulis sebagai 00

### Implikasi

Menjelang tahun 2000, komputer-komputer serta peralatan lain yang bukan Y2K Compliant tidak mengenali tarikh bagi tahun 2000. Data yang disimpan mungkin tidak dapat diproses atau direkod dengan tepat.

Implikasi masalah Y2K lebih besar terhadap organisasi-organisasi yang beroperasi dengan penggunaan peralatan elektronik. Bank-bank, pengangkutan, telekomunikasi, hospital-hospital serta tenaga adalah antara bidang-bidang yang lebih merasai implikasi Y2K.

**Pengguna perlu berhati-hati ketika membeli perkakas/peralatan elektrik/elektronik, terutamanya komputer dengan memastikan ia memenuhi keperluan Y2K**





## Tindakan

Banyak organisasi telah menyedari masalah Y2K dan sedang mengambil langkah-langkah menanganinya. Seseorang penganalisa telah meramalkan bahawa kos antara US\$300 bilion hingga US\$600 bilion akan dibelanjakan untuk menangani masalah Y2K di seluruh dunia.

Namun, pengguna harus juga memperolehi sebanyak maklumat yang boleh mengenai masalah Y2K dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjaga kepentingan mereka sebagai pengguna.

## Perkakas baru

Masalah Y2K mungkin tidak akan melibatkan perkakasan/peralatan elektrik/elektronik yang baru dibuat kerana pihak pengilang telah mengambilkira masalah Y2K. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, pengguna harus mendapatkan pengiktirafan Y2K Compliant daripada pembekal semasa membeli perkakas/peralatan elektrik/elektronik baru yang mempunyai fungsi tarikh. Pengguna hendaklah berwaspada terhadap longgokan perkakas/peralatan elektrik/elektronik yang tidak memenuhi keperluan Y2K yang terdapat di pasaran.

## Perkakas lama

Bagi perkakas/peralatan elektrik/elektronik yang tidak diperolehi dan masih boleh digunakan, pengguna haruslah mendapatkan khidmat nasihat daripada pembekal barangan tersebut mengenai masalah Y2K bagi barang berkenaan.

## Nasihat kepada pengguna

Pengguna perlu berhati-hati ketika membeli perkakas/peralatan elektrik/elektronik dengan memastikan ia memenuhi keperluan Y2K.

Pengguna harus membeli peralatan baru, terutamanya komputer mikro hendaklah mendapatkan penjelasan daripada pembekal mengenai keperluan Y2K.

Oleh kerana kesan sebenar masalah Y2K masih belum dapat ditentukan, pengguna hendaklah sentiasa berhati-hati dalam urusan seharian mereka, terutamanya yang melibatkan perkakas/peralatan elektrik/elektronik yang mempunyai kaitan dengan penggunaan fungsi tarikh. Urusan berkaitan, termasuklah pembelian, penggunaan ataupun perkhidmatan. Bagi menjamin segala urusan, elektronik dapat disemak semula, maka semua resit, borang dan dokumen lain yang digunakan hendaklah disimpan.

## Pemeriksaan

Pengguna digalakkan menguji komputer mikro masing-masing untuk menentukan sama ada ia Y2K compliant, iaitu komputer tersebut sudah mengambilkira faktor Y2K. Pengguna boleh melakukan ujian sendiri dengan mengikuti langkah-langkah di bawah atau mendapatkan perisian tertentu di pasaran bagi menguji komputer mikro masing-masing.

## PANDUAN MEMERIKSA KOMPUTER MIKRO

- ✓ Pilih MS-DOS Prompt pada menu *Start* (Persekitaran MS-Window 95). Taipkan "*time*" di prompt dan tekan butang ENTER.
- ✓ Ubahkan (*reset*) masa kepada 11.50 pm dan tekan butang ENTER.
- ✓ Taipkan "*date*" pada prompt seterusnya dan tekan butang ENTER. Ubahkan tarikh kepada 31 Disember 1999 dan tekan ENTER.
- ✓ Keluar (*Exit*) dari DOS dan tutup (*shut down*) komputer.
- ✓ Tunggu beberapa minit (bagi membolehkan masa di dalam komputer tersebut berubah dari 11.50 pm kepada 12.01 am) dan hidupkan komputer semula. Jika komputer tersebut menunjukkan tarikh 1 Januari 2000 (hari Sabtu), maka komputer tersebut adalah sedia digunakan untuk Y2K (*Y2K ready*). Jika ia menunjukkan tarikh-tarikh lain seperti 1980 dan sebagainya, maka komputer tersebut mempunyai masalah Y2K. Kebanyakan komputer mikro siri 486 dan ke bawah berkemungkinan akan menghadapi masalah Y2K.
- ✓ Setelah selesai ujian, betulkan semula (*reset*) tarikh dan masa dalam komputer tersebut dengan menggunakan kaedah seperti di atas.



# BAWA BEKAL KE SEKOLAH

Adakah anda mempunyai anak-anak yang bersekolah? Berapakah duit saku yang anda berikan pada anak-anak? Apakah yang mereka makan pada waktu rehat?

Pelajar-pelajar sekolah tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran sekiranya mereka lapar. Di sekolah-sekolah, waktu rehat diperuntukkan untuk pelajar-pelajar mengalas perut. Ramai kanak-kanak membeli makanan di kantin. Kantin sekolah menyediakan pelbagai pilihan makanan untuk pelajar-pelajar sekolah - kuih-muih, pisang goreng, mi sup, laksa, makanan ringan dan minuman manis dijual.

Pada zaman moden ini, ramai ibu bapa memberikan anak-anak duit saku untuk mereka membeli makanan di kantin sekolah. Ramai pelajar yang membeli makanan ringan seperti keropok, kacang, gula-gula, kuih-muih yang manis dan minuman manis.

Namun, ada juga pelajar-pelajar sekolah yang lebih gemar membawa bekal makanan ke sekolah. Mohd Athzaimie bin Athzelee, pelajar Tingkatan Satu, Sekolah Menengah Abdullah Munshi, Pulau Pinang membawa bekal makanan ke sekolah setiap hari. Begitulah juga dengan adik-adiknya, Mohd. Athzezul, 12 tahun dan Nor Athzemah, 6 tahun.

Menurut Athzaimie, beliau membawa bekal ke sekolah kerana gemar makanan yang dimasak oleh ibunya. "Bila Zaimee bawa makanan, tak payah berebut untuk membeli makanan di kantin sekolah." Tidakkah Zaimee segan membawa makanan ke sekolah? "Tidak. Mak bungkus makanan dengan kertas. Lepas makan, Zaimee buang saja kertas bungkus. Malah, kawan-kawan Zaimee sendiri pernah minta Mak jual makanan supaya mereka tidak perlu beli makanan kantin."

Ibu Athzaimie, Puan Nor-Ashikin bt. Abdul Hamid, bukanlah surirumah sepenuh masa. Beliau bekerja di sebuah jabatan Kerajaan dan waktu bekerjanya ialah dari jam 8.00 pagi hinggalah 4.15 petang. Suaminya, Encik Athzlee bin Omar ialah ahli perniagaan.

"Tidak benar kalau kita kata wanita yang bekerja terlalu sibuk untuk menyediakan makanan untuk dibawa ke sekolah atau pejabat. Saya bangun lebih awal. Persiapan memasak seperti memotong sayur, menyang ikan dan mengupas bawang semuanya saya buat pada malam sebelumnya. Pada waktu pagi, saya dapat masak dengan cepat. Lagipun, masakan yang ringkas cukuplah. Makanan dibungkus dalam kertas



*Mohamed Athzaimie, 13, (bertali leher) dan adiknya, Mohamed Athzezul, 12, bersama bekal masing-masing sebelum ke sekolah.*

membungkus makanan yang saya beli secara pukal dari pasar malam. Air minuman seperti kordial buah saya sediakan dalam botol plastik. Suami saya turut membantu saya menyediakan makanan anak-anak," kata Puan Nor-Ashikin

"Apabila menyediakan makanan untuk anak-anak, saya tukar-tukar selera. Kalau makanan yang sama diberikan, tentulah mereka jemu. Kalau saya kesuntukan masa, saya buat mereka sandwich saja. Bila saya masak waktu pagi, kami sekeluarga bawa bekal. Kami semua menjimatkan perbelanjaan. Lagipun, saya tak perlu bimbang tentang kebersihan makanan yang anak-anak saya makan," tambah beliau.

Anak-anak Puan Nor-Ashikin masih menerima duit saku apabila ke sekolah. "Tapi, biasanya mereka masukkan duit saku dalam tabung masing-masing. Kami ada buka akaun simpanan untuk anak-anak. Apabila tabung sudah penuh, kami bawa ke bank untuk disimpan. Kalau Athzaimie hendak beli majalah pendidikan dia tak minta kami duit. Dia gunakan duit tabungan sendiri," ujar Puan Nor-Ashikin.

Walaupun wang yang dapat dijitamkan oleh keluarga Encik Athzlee mungkin tidak banyak, yang lebih penting ialah amalan berjimat-cermat yang dipupuk di kalangan anak-anaknya. Sikap yang dipelajari sewaktu kecil akan membantu mereka menjadi pengguna yang lebih cermat dan prihatin apabila dewasa kelak.



## Penjagaan Makanan Dalam Peti Sejuk



Penjagaan makanan dalam peti sejuk penting bagi menjamin kesegaran dan ketahanan makanan yang disimpan.

- Tutup semua makanan untuk melindungi makanan daripada udara kering di dalam peti sejuk, untuk mengelakkan bau meresap keluar dan untuk mengurangkan kehilangan zat.
- Kekalkan suhu makanan dalam peti sejuk pada suhu 5°C.
- Simpan makanan yang lebih mudah rosak (seperti daging) pada ruang yang paling sejuk dalam peti sejuk.
- Simpan makanan yang cepat rosak dan lebihan makanan secepat mungkin dalam peti sejuk.
- Sejukkan makanan sebelum dimasukkan dalam peti sejuk. Makanan yang masih panas boleh menaikkan suhu dalam peti sejuk dan membolehkan kuman membiak dengan cepat.
- Jangan letak terlalu banyak makanan dalam peti sejuk kerana pengudaraan terganggu.
- Jangan letak makanan mentah seperti daging atau ikan di atas makanan yang sudah dimasak. Air dari makanan tersebut mungkin mengalir dan mencemarkan makanan yang dimasak.

## Memelihara Kesegaran

## Makanan Dalam Tin

- Baca label tin sebelum menyimpan tin untuk memastikan arahan penyimpanan. Sesetengah daging dalam tin perlu dimasukkan dalam peti sejuk.
- Simpan tin-tin di tempat yang dingin dan kering.
- Pusingkan stok makanan dalam tin sekurang-kurangnya sekali setahun. Makanan dalam tin paling enak apabila dimakan dalam tempoh beberapa bulan selepas dikeluarkan.
- Jangan beli tin yang berkarat atau kemek.
- Sekiranya makanan dalam tin tidak habis dimakan, masukkan dalam bekas plastik atau bekas kaca dan simpan dalam peti sejuk.



Pastikan tin-tin makanan yang dibeli tidak berkarat atau kemek.

## Petua Menghilangkan Kesan Dakwat

Untuk menghilangkan kesan dakwat pada pakaian, tuang susu di atas kesan tersebut untuk setengah jam. Pastikan kain diletakkan di atas permukaan kaca dengan tuala keras atau kain lama di atas kaca tersebut kerana susu akan menanggalkan dakwat dan dapat mengotorkan kain di sekitar kesan dakwat tadi. Cuci seperti biasa.



**No. Telefon/Faks Persatuan Pengguna****Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)**

Tel: 03 - 7762009/7774741

Faks: 03 - 7771076

**Persatuan Pengguna-Pengguna Perlis (CAP)**

Tel: 04 - 9764136

Faks: 04 - 9770788

**Persatuan Pengguna Kedah (CAKE)**

Tel: 04 - 7711645

Faks: 04 - 7711645

**Persatuan Pengguna-Pengguna Perak (PCA)**

Tel: 05 - 2534058

Faks: 05 - 2534058

**Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPS & PPWP)**

Tel: 03 - 2822575

Faks: 03 - 2822575

**Persatuan Pengguna Melaka (CAM)**

Tel: 06 - 2839718/719

Faks: 06 - 2839711

**Persatuan Pengguna-Pengguna Terengganu (2PTRG)**

Tel: 09 - 6220045

Faks: 09 - 6220045

**Persatuan Pengguna-Pengguna Kelantan (KCA)**

Tel: 09 - 7444828

Faks: 09 - 7479798

**Persatuan Konsumer Negeri Sembilan**

Tel: 06 - 7639473

**Persatuan Pengguna Pahang (PAC)**

Tel: 09 - 5146693 Faks: 09 - 5143307

**Persatuan Pengguna-Pengguna Johor (JCA)**

Tel: 07 - 2222764

**Persatuan Pengguna-Pengguna Sabah (CASH)**

Tel: 088 - 234616

Faks: 088 - 234616

**Persatuan Pengguna Bahagian Kuching (PERPEK)**

Tel: 082 - 684920

**Persatuan Pengguna Negeri Pulau Pinang (CAP)**

Tel: 04 - 2293511

Faks: 04 - 2298106

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

**Bahagian Penguatkuasa:**

Bilik Gerakan K. Lumpur

Wilayah Persekutuan K. Lumpur

Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)

03-4436888/03-4437888

03-4423555

03-4433366

**Perlis**

Kangar: 04-9761478

**Kedah**

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

**Pulau Pinang**

P.Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-3317500

**Perak**

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

**Selangor**

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K.Kubu Baru: 03-8042495

**Wilayah Persekutuan**

K.Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

**N. Sembilan**

Seremban: 06-7630911

**Melaka**

Melaka: 06-2820422

**Johor**

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-7736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

**Pahang**

Kuantan: 09-556948

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

**Terengganu**

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

**Kelantan**

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

**Sabah**

K.Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 089-776690

**Sarawak**

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

**Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Ipoh 05-2547913

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

**Bahagian Harta Intelek**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna 03-2329955

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2329955

**Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat**

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 087-414100

**BELILAH  
BARANGAN  
BUATAN  
MALAYSIA**